

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Hari Keluarga yang diadakan itu telah berjaya _____ semua waris dan ahli keluarga Haji Salman.
- A mengerahkan
 - B menambahkan
 - C mengumpulkan
 - D mengelompokkan
- 2 Persekitaran rumah yang sentiasa _____ dapat mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes.
- A luas
 - B bersih
 - C cantik
 - D lembap

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

- 3
- A Puan Salina membawa enam keping baju ketika percutian itu.
 - B Zahid membentangkan sehelai tikar di bawah pokok yang rendang.
 - C Mereka menggunakan beberapa ketul pelampung ketika mandi di pantai.
 - D Keluarga Alisa menginap di beberapa buah inap desa ketika bercuti di Tanjung Balau.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"50... 51... 52...." Termengah-mengah Hafiz membuat kiraan sambil melompat dengan menggunakan tali. Dia memang lelah, namun dia bertekad untuk mengurangkan berat badannya yang kini telah mencecah 70 kilogram. Menurut doktor, dia sudah masuk dalam kategori obesiti. Dia ingin mendapatkan berat badan yang ideal.

"Sudah, berhenti dulu, Hafiz. Senaman memang penting untuk menjaga kesihatan. Senaman yang berterusan tanpa rehat tidak elok juga," kata ibunya. Kata-kata ibunya itu menyebabkan Hafiz menghentikan lompatannya. Ibu Hafiz menghulurkan segelas air kepadanya.

"Minum air ini. Badan kita perlu cukup air untuk mengelakkan penyahhidratan," terang ibunya lagi. Ibu Hafiz memang sangat prihatin terhadap penjagaan kesihatan keluarganya. Ibu Hafiz sentiasa menyediakan makanan yang seimbang untuk keluarganya.

4 Apakah tekad Hafiz?

- A Mengatasi masalah lelahnya.
- B Minum air yang secukupnya.
- C Mengurangkan berat badannya.
- D Menambah jumlah lompatannya.

- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Berat badan Hafiz hampir mencecah 70 kilogram.
 - B Hafiz bersenam dengan membuat lompatan menggunakan tali.
 - C Hafiz sentiasa prihatin terhadap penjagaan kesihatan ahli keluarganya.
 - D Hafiz tidak pernah lelah ketika melakukan senaman lompatan dengan menggunakan tali.
- 6 Berikut ialah cara menjaga kesihatan tubuh badan berdasarkan petikan *kecuali*
- A membuat lompatan dengan menggunakan tali dengan banyaknya.
 - B mengambil makanan yang seimbang.
 - C minum air dengan secukupnya.
 - D bersenam secara berkala.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Baru-baru ini rakyat Malaysia dikejutkan dengan berita tentang penemuan buaya di perairan pantai-pantai yang terkenal seperti di Port Dickson, Negeri Sembilan dan di Pantai Klebang, Melaka. Di perairan Lahad Datu, Sabah pula, seekor buaya telah mencederakan seorang kanak-kanak. Kanak-kanak itu dikatakan sedang berenang bersama-sama ayahnya tidak jauh dari perahu yang ditambat di tepi pantai.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa *waspada* ketika berkelah di tepi pantai. Selain ancaman fenomena alam, pengunjung pantai berhadapan dengan ancaman serangan binatang buas juga seperti buaya, ular berbisa, dan sebagainya yang mungkin menjadikan kawasan pantai sebagai habitat.

BAHAN 2

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DI PANTAI

- Patuhi amaran bendera merah di pantai
- Elakkan berada di pantai semasa ombak besar
- Sentiasa awasi pergerakan kanak-kanak
- Peka pada sebarang perubahan cuaca



WASPADA KETIKA DI PANTAI

7 Apakah berita yang mengejutkan rakyat Malaysia baru-baru ini?

- A Ancaman fenomena alam.
- B Penemuan ombak yang sangat besar.
- C Penemuan buaya di perairan pantai-pantai terkenal negara.
- D Kawasan pantai menjadi habitat pelbagai jenis binatang buas.

8 Kanak-kanak itu dikatakan sedang berenang bersama-sama ayahnya tidak jauh dari perahu yang ditambat di tepi pantai.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A baris.
- B buah.
- C bentuk.
- D batang.

9 Perkataan *waspada* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A bersiap-siap.
- B berkira-kira.
- C berjaga-jaga.
- D berfikir-fikir.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Orang ramai akan diserang buaya jika mereka berkelah di tepi pantai.
- B Orang ramai perlu mengibarkan bendera merah apabila melihat ombak besar.
- C Kanak-kanak perlu diberikan kebebasan untuk bergerak ketika berada di tepi pantai.
- D Amaran tentang ancaman buaya di pantai Port Dickson akan menyebabkan mereka lebih berhati-hati ketika berkelah.

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kakak: Adik, kamu sudah mengemas bilik tidur kamu?

Adik: Saya tidak sempat mengemas bilik tidur saya, kakak. Saya hendak cepat kerana ada latihan permainan bola sepak pada pagi ini. Saya akan mengemas bilik tidur saya selepas saya pulang dari menjalani latihan bola sepak nanti.

Kakak: Jangan begitu, adik. Bilik tidur merupakan satu-satunya ruang peribadi untuk kita berehat dan menghilangkan lelah. Oleh itu, bilik tidur kita perlu sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan selesa. Ada baiknya adik kemas bilik tidur adik dahulu.

Adik: Baiklah, kakak. Akan saya kemas bilik tidur saya sekarang. Terima kasih, kakak kerana menegur sikap dan mengingatkan saya tentang kepentingan menjaga kebersihan bilik tidur.

Kakak: Sama-sama, adik. Sebagai anggota keluarga, kita perlu saling menegur dan mengingatkan antara satu sama lain.

1 (a) Adik tidak sempat mengemas bilik tidurnya kerana dia hendak menjalani latihan permainan

_____.

[1 markah]

(b) Mengapakah bilik tidur kita perlu sentiasa bersih dan selesa?

[2 markah]

(c) Bulatkan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Oleh itu, bilik tidur kita perlu sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan selesa.

[1 markah]

(d) Pilih dan tuliskan (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Bilik tidur merupakan satu-satunya ruang peribadi untuk kita berehat dan menghilangkan lelah.

Kita dapat berehat dan menghilangkan penat sekiranya kita mempunyai bilik tidur sebagai ruang peribadi kita.	
Satu-satunya ruang peribadi untuk kita berehat dan menghilangkan penat ialah bilik tidur.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Keluarga kamu mengajak kamu menziarahi nenek kamu di kampung. Namun demikian, pada tarikh yang sama, kamu perlu menyertai Kem Kepemimpinan Pengawas. Kamu pula ketua pengawas di sekolah.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C**[10 markah]**

Grafik di bawah ini menunjukkan fungsi-fungsi bilik rawatan di sekolah.

Tuliskan pendapat kamu tentang kepentingan-kepentingan bilik rawatan di sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.


Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

**[10 markah]****SET 1 - 10**

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

KELUARGA BAHAGIAKU

1 Tuliskan sebuah karangan fakta berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan teks pidato berdasarkan gambar di atas.

[20 markah]

SET 1 – 12